



TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG BANK INFINITE EDISI DOKTOR (English Version)

Dikemas Kini pada 29 Mac 2023

Terma dan syarat Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite Edisi Doktor (“**T&S**”) di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat T&S ini, maka T&S Kad hendaklah diutamakan setakat mana yang terpakai dengan Kad (seperti yang ditakrifkan di sini). Dengan menerima Kad ini, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

1. **Takrifan:**

- (a) “**Kad**” bermaksud Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite Edisi Doktor yang dikeluarkan oleh HLB dan termasuk kad tambahan, jika berkenaan.
- (b) “**Akaun Kad**” bermaksud akaun Pemegang Kad Utama dengan HLB yang dibuka berkenaan dengan Kad.
- (c) “**Pemegang Kad**” bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad sama ada “**Pemegang Kad Utama**” dan/atau “**Pemegang Kad Tambahan**” melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (d) “**Pemegang Kad Utama**” bermaksud Pemegang Kad utama yang kepadanya Kad dikeluarkan oleh HLB.
- (e) “**Enrich**” bermaksud program penerbangan kerap yang dikendalikan oleh MAS.
- (f) “**Ahli Enrich**” bermaksud mana-mana individu yang diiktiraf oleh MAS, menurut budi bicara mutlaknya, sebagai ahli Enrich.
- (g) “**Enrich Miles**” bermaksud kiraan kredit (dalam *miles*) yang dianugerahkan oleh MAS kepada Ahli Enrich sebagai ganjaran.
- (h) “**MAS**” bermaksud Malaysian Airlines System Berhad (No. Syarikat: 10601-W).
- (i) “**Peniaga**” bermaksud individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan membekalkan barang dan/atau perkhidmatan.
- (j) “**Ulang Tahun Kad**” bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
- (k) “**Aplikasi HLB Connect**” bermaksud Perbankan mudah alih HLB Connect.
- (l) “**Program**” bermaksud program Hong Leong Bank Infinite Enrich Miles dan termasuk apa-apa perubahan atau pindaan kepada program itu seperti mana yang mungkin dibuat oleh HLB dari semasa ke semasa, menurut budi bicaranya.
- (m) “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui Aplikasi HLB Connect menggunakan QR Pay.
- (n) “**Transaksi Runcit**” bermaksud untuk tujuan Program ini, pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan di dalam negara atau luar negara yang telah dilakukan dengan atau dicaj kepada Kad tetapi TIDAK TERMASUK (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak menentukan sama ada transaksi itu terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit):
 - (i) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai dsb.);
 - (ii) produk-produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Quick Cash Fi Sekali (“**QC OTF**”), Quick Cash (“**QC**”) dan Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
 - (iii) JomPay dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) Transaksi berkaitan pembayaran bil FPX;
 - (v) pelan perlindungan kad;
 - (vi) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (vii) Transaksi QR Pay melalui Aplikasi HLB Connect; dan/atau
 - (viii) apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan (jika berkenaan), seperti mana ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa.
- (o) “**RM**” atau “**Ringgit**” bermaksud Ringgit Malaysia.

- (p) “**Pemegang Kad Tambahan**” bermaksud individu yang kepadanya Kad Tambahan dikeluarkan oleh HLB berikutan permohonan oleh Pemegang Kad Utama.

Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan sebagaimana ditakrif atau ditafsirkan dalam Perjanjian hendaklah pengertian yang sama apabila digunakan atau dirujuk disini dan perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

2. Program ini ditawarkan kepada Pemegang Kad Utama dan tertakluk kepada terma dan syarat berikut dan terma dan syarat Perjanjian.
3. Bagi melayakkan diri untuk menerima Enrich Miles, Pemegang Kad Utama mestilah Ahli Enrich yang berdaftar dengan MAS dan Akaun Kad mestilah sah/aktif, berkedudukan baik, tidak berstatus delikuen dan tidak melanggar mana-mana T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian (“**Pemegang Kad Utama Layak**”). Kelayakan akan dibatalkan jika Pemegang Kad Utama telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Akaun Kad dan/atau apa-apa kemudahan atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLB.
4. Sekiranya Pemegang Kad Utama bukan Ahli Enrich berdaftar pada masa permohonan Kad, maka Pemegang Kad Utama dengan ini membenarkan dan memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad Utama kepada MAS untuk memudahkan permohonan Pemegang Kad Utama mendaftar sebagai Ahli Enrich dengan MAS. Maklumat peribadi yang akan didedahkan oleh HLB adalah termasuk nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, tarikh lahir, alamat emel, nombor telefon sebagaimana diperlukan oleh MAS untuk memproses permohonan Pemegang Kad Utama sebagai Ahli Enrich.
5. Enrich Miles yang dianugerahkan kepada Pemegang Kad Utama Layak adalah berdasarkan jumlah amaun Transaksi Runcit dalam Ringgit tercatat yang dibuat dengan Kad dan dikumpulkan setiap hari berdasarkan setiap transaksi dan digenapkan kepada kiraan Enrich Miles yang terhampir seperti berikut:

Transaksi Runcit Dalam Negara	Transaksi Runcit Luar Negara
Bagi setiap Ringgit Malaysia Tiga and Lima Puluh Sen (RM3.50) Transaksi Runcit yang dilakukan di dalam Malaysia dan dalam Ringgit tercatat kepada Akaun Kad, satu (1) Enrich Mile akan dikreditkan kepada Akaun Kad.	Bagi setiap Ringgit Malaysia Dua dan Dua Puluh Sen (RM2.20) Transaksi Runcit yang dilakukan di luar Malaysia dan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia tercatat kepada Akaun Kad, satu (1) Enrich Mile akan dikreditkan kepada Akaun Kad.

Perolehan Enrich Miles adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh HLB dan HLB berhak mengubah kadar, setelah memberi notis awal, yang berdasarkannya Enrich Miles akan dianugerahkan dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya.

6. Enrich Miles yang diperoleh oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak. Jumlah Enrich Miles yang diperoleh secara kolektif oleh Pemegang Kad akan tertera dalam penyata akaun Kad bulanan Pemegang Kad Utama Layak dan akan dikreditkan kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS.
7. Enrich Miles yang diperoleh seperti mana dibentangkan dalam Fasal 6 di atas akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS. Bagi mengelakkan keraguan, hanya Enrich Miles yang telah dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS boleh ditebus oleh Pemegang Kad Utama Layak.

8. HLB akan sebaiknya berusaha untuk memastikan Enrich Miles dikreditkan kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS pada akhir bulan kalender berikut tarikh penyata yang berkaitan dengan Kad. Akan tetapi HLB mungkin akan mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Enrich Miles menurut budi bicaranya setelah memberi notis awal. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan dan/atau keciciran dalam memproses dan mengkredit Enrich Miles ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS.
9. Enrich Miles yang dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS hanya boleh digunakan bagi penebusan yang dibuat di bawah program Enrich tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh MAS dan seperti mana mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa.
10. Enrich Miles yang diperoleh tidak mempunyai nilai tunai atau kewangan. Kecuali dinyatakan sebaliknya, Enrich Miles yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain atau pihak atau entity ketiga, juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit.
11. HLB berhak atas budi bicaranya, pada bila-bila masa dan setelah memberi notis awal dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad untuk menggantung selama tempoh masa yang tak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program. Tanpa menghadkan keluasan maksud peruntukan-peruntukan sebelum ini; HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau apa-apa manfaat yang disediakan di bawahnya sekiranya MAS menarik balik atau memansuhkan apa-apa manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau pindaan Enrich dengan apa-apa cara yang memudarangkan HLB dan/atau Pemegang Kad. Semasa promosi istimewa atau tempoh jualan, MAS dan HLB berhak, setelah memberi notis awal kepada Pemegang Kad, untuk menggantung kesemua atau mana-mana manfaat yang disediakan di bawah Program.
12. Pemegang Kad Utama Layak perlu menghubungi MAS dan berurus langsung dengan MAS berhubung dengan penebusan Enrich Miles atau apa-apa kemosyikilan atau pertikaian berkaitan dengan akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa tindakan atau keciciran di pihak MAS berkenaan dengan Enrich, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan Enrich Miles oleh Pemegang Kad Utama Layak.
13. Jika Kad Pemegang Kad Utama Layak dibatalkan atau ditamatkan sama ada oleh Pemegang Kad Utama Layak atau HLB, maka Pemegang Kad Utama Layak tidak akan berhak mendapat Enrich Miles yang diperoleh atas Transaksi Runcit yang dilakukan dengan Kad yang belum dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS biarpun Enrich Miles yang diperoleh itu mungkin telah tercatat dalam penyata akaun Pemegang Kad Utama Layak. Enrich Miles sedemikian yang diperoleh akan secara automatik dibatalkan dan/atau dilupus apabila Kad dibatalkan/ditamatkan. Jika Kad Pemegang Kad digantung sementara, maka Enrich Miles yang diperoleh atas Transaksi Runcit yang dilakukan dengan Kad yang belum dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS tidak akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak dengan MAS tetapi akan tetap dan terus terkumpul (“**Enrich Miles Terkumpul**”). Enrich Miles Terkumpul tersebut hanya akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak apabila penggantungan itu ditarik balik. Sekiranya penggantungan itu tidak ditarik balik dan Kad dibatalkan atau ditamatkan, maka Enrich Miles Terkumpul tersebut akan dilupuskan dan Pemegang Kad Utama Layak tidak akan mendapat bantuan HLB atau MAS berkenaan dengan Enrich Miles Terkumpul yang dilupuskan itu.
14. Sekiranya ada Transaksi Runcit yang perlu dibalikkan atau dibatalkan pada Kad yang mana akan ditentukan menurut budi bicara mutlak HLB tanpa melibatkan apa-apa liabiliti di pihak HLB, maka HLB berhak atas budi bicara mutlaknya sama ada untuk:

- (a) Meminta MAS supaya mendebit akaun Enrich Pemegang Kad Utama Layak bagi Enrich Miles berkenaan yang diperoleh daripada Transaksi Runcit berkenaan yang perlu dibalikkan atau dibatalkan; atau
 - (b) Mendebit Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak bagi Enrich Miles yang diperoleh daripada Transaksi Runcit yang perlu dibalikkan atau dibatalkan berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicaranya, jika Enrich Miles yang diperoleh daripada Transaksi Runcit tersebut telah pun ditebus oleh Pemegang Kad Utama Layak.
15. Transaksi Runcit yang dilakukan dengan Kad dan penukarannya kepada Enrich Miles akan dipaparkan dalam penyata akaun Kad bulanan yang dikeluarkan oleh HLB kepada Pemegang Kad Utama Layak. Jika terdapat sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan yang dikesan dalam penyata akaun Kad bulanan, terutamanya berkait dengan Transaksi Runcit berhubung dengan Enrich Miles yang diperoleh, maka Pemegang Kad Utama Layak bertanggungjawab menjalankan kewajipannya sebagai Pemegang Kad Utama Layak untuk melaporkan kepada HLB secara bertulis dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh HLB dalam Perjanjian. Sekiranya Pemegang Kad Utama Layak tidak memaklumkan kepada HLB dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Perjanjian, maka Pemegang Kad Utama Layak dianggap setuju menerima entri di dalamnya sebagai betul dan sebagai bukti terakhir dan muktamad akan fakta yang terkandung di dalamnya dan penyata itu dianggap sebagai mengikat ke atas Pemegang Kad Utama Layak, sedemikian tiada dakwaan boleh dibuat terhadap HLB mengatakan bahawa penyata tersebut mengandungi kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.
16. Terma dan syarat di dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
17. HLB berhak setelah memberi notis awal untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pengguguran, pengubahsuaian, pindaan ataupun sebaliknya) (“**Pindaan**”) mana-mana terma dan syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menukar dan/atau menarik balik Program atau menukar penyedia perkhidmatan daripada MAS kepada penyedia perkhidmatan yang serupa. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan itu akan dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan oleh HLB di dalam Perjanjian.
18. Keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Program, termasuk penentuan Enrich Miles adalah muktamad dan mengikat.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.



TERMA DAN SYARAT PROGRAM PLAZA PREMIUM LOUNGE KAD KREDIT HONG LEONG BANK INFINITE EDISI DOKTOR

Dikemas Kini pada 29 Mac 2023

Terma dan syarat (“**T&S**”) di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) dan Terma dan Syarat Kad Kredit (“**Kad**”) Hong Leong Bank INFINITE EDISI DOKTOR (“**Terma dan Syarat Kad**”).

KELAYAKAN

1. **Takrif**
 - (a) “**Akaun Kad**” bermaksud akaun Pemegang Kad Utama yang dibuka bagi Kad dengan HLB.
 - (b) “**Ulang Tahun Kad**” bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
 - (c) “**Aplikasi HLB Connect**” bermaksud Perbankan mudah alih HLB Connect.
 - (d) “**Peniaga**” bermaksud individu, firma atau syarikat yang menjalankan perniagaan menjual dan menyediakan barang dan/atau perkhidmatan.
 - (e) “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui Aplikasi HLB Connect menggunakan QR Pay.
2. Lawatan ke mana-mana lounge lapangan terbang yang mengambil bahagian di Malaysia dan Singapura (“**Plaza Premium Lounge**”) yang diuruskan oleh Plaza Premium Lounge Malaysia Sdn Bhd (“**Plaza Premium**”) di bawah program Plaza Premium (“**Lawatan**”) hanya ditawarkan kepada pemegang kad utama (“**Pemegang Kad Utama**”).
3. Setiap Pemegang Kad Utama berhak untuk maksimum empat (4) kali Lawatan setahun. Lawatan akan tersedia kepada Pemegang Kad Utama selepas Kad dikeluarkan dan seterusnya satu (1) bulan selepas setiap Tarikh Ulang Tahun Kad.
4. Untuk membolehkan Pemegang Kad Utama masuk ke Plaza Premium Lounge, Pemegang Kad Utama dikehendaki menunjukkan Kad sah mereka (iaitu Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite Edisi Doktor) dan pas naik pesawat.
5. Lawatan hanya boleh dilakukan ke Plaza Premium Lounge yang terdapat di Malaysia dan di Singapura sahaja.
6. Lawatan adalah dibuka untuk Pemegang Kad Utama sahaja. Pemegang Kad Tambahan dan/atau tetamu Pemegang Kad Tambahan akan dikenakan caj tetamu selaras dengan fi yang ditetapkan oleh Plaza Premium dan seperimana akan dipinda dari semasa ke semasa.

UMUM

7. Pemegang Kad Utama dengan ini memberikan HLB untuk mendedahkan data peribadi Pemegang Kad Utama, termasuk nama Pemegang Kad Utama, nombor Kad, status Kad dan tarikh luput Kad kepada Plaza Premium untuk membolehkan Pemegang Kad Utama menikmati Lawatan.
8. HLB tidak mewakili atau memberi jaminan berkenaan Plaza Premium Lounge dan/atau perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh Plaza Premium (“**Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge**”) dan terutamanya, tidak membuat sebarang jaminan berkenaan kualiti Plaza Premium Lounge dan Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge atau kesesuaianya bagi apa-apa tujuan, begitu juga HLB tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad atas apa-apa tindakan atau keciciran Plaza Premium berkait dengan Plaza Premium Lounge dan/atau Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge.
9. Akaun Kad Pemegang Kad Utama MESTILAH sah/aktif, berkedudukan baik, MESTI TIDAK berstatus delinkuen dan MESTI TIDAK melanggar mana-mana terma dan syarat Perjanjianserta Terma dan Syarat Kad dan T&S ini semasa Pemegang Kad Utama menikmati Lawatan.

10. Dengan menggunakan Lawatan ini, Pemegang Kad Utama mengakui dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan apa-apa keputusan Plaza Premium berhubung dengan Plaza Premium Lounge dan Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad.
11. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang pertikaian yang mungkin berlaku antara Pemegang Kad Utama dan/atau tetamu Pemegang Kad Utama (termasuk Pemegang Kad Tambahan) mengikut mana yang berkenaan, dengan Plaza Premium dan/atau pengendali lounge yang menyertai program Plaza Premium Lounge. HLB juga tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul atau ditanggung oleh Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad berkaitan dengan sebarang Lawatan ke lounge disebabkan oleh sebarang kejadian luar kawalan HLB
12. Plaza Premium Lounge serta Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Plaza Premium. Terma dan syarat penggunaan Plaza Premium Lounge adalah tertakluk kepada perubahan oleh Plaza Premium dan perubahan tersebut akan disiarkan dalam laman web Plaza Premium di www.plazappl.com
13. Baik Pemegang Kad mahupun tetamu Pemegang Kad tidak dibenarkan berkomunikasi secara terus dengan pihak pengendali mana-mana lounge yang menyertai program Plaza Premium Lounge tentang apa juah mengenai program akses lounge eksekutif lapangan terbang yang disediakan di bawah program Plaza Premium Lounge. Apa-apa kemosyikilan, aduan, permohonan bantuan dan hal-hal berkenaan Plaza Premium Lounge dan/atau Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge hendaklah dibawa kepada perhatian kakitangan pentadbiran Plaza Premium sahaja dan kakitangan tersebut bertugas untuk merungkaikan masalah dan memberi penjelasan kepada penanya dalam tempoh masa yang munasabah dari masa dihubungi. Kakitangan pentadbiran Plaza Premium boleh dihubungi melalui emel di alamat malaysia@plaza-network.com atau telefon +603 8787 2323.
14. Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad tidak akan mempertanggungjawabkan HLB dan/atau Plaza Premium Lounge atas (i) apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung yang berbangkit sekiranya mana-mana lounge lapangan terbang (termasuk tetapi tidak terhad kepada Plaza Premium Lounge) menutup perniagaan atau berhenti menyertai program Plaza Premium Lounge pada bila-bila masa; dan/atau (ii) apa-apa kerugian atau kecederaan yang dialami oleh Pemegang Kad dan/atau tetamu Pemegang Kad ketika berada di dalam mana-mana lounge yang mengambil bahagian dalam program Plaza Premium Lounge (termasuk tetapi tidak terhad kepada Plaza Premium Lounge) pada bila-bila masa disebabkan oleh sebarang kejadian luar kawalan munasabah Plaza Premium Lounge
15. Pemegang Kad Utama akan berhenti menikmati Lawatan jika HLB membatalkan atau tidak memperbaharui Kad Pemegang Kad Utama dan/atau program Plaza Premium. Pemegang Kad akan menanggung kos segala lawatan lounge yang dibuat oleh Pemegang Kad dan mana-mana tetamu Pemegang Kad selepas pembatalan atau luputnya tempoh Kad dan/atau program Plaza Premium Lounge.
16. HLB tidak berkewajipan dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menentukan ketepatan maklumat yang diberikan dalam apa-apa buku panduan, dokumen, rekaan atau lukisan atau apa-apa bahan perhubungan lain yang dibekalkan oleh Plaza Premium Lounge.
17. HLB tidak bertanggungjawab sama sekali terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad, tetamu Pemegang Kad atau mana-mana pihak (termasuk tanpa batasan, hilang pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, bersampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) sebagaimana berbangkit sekalipun sama ada dari segi kontrak, tort, kecuaian atau selainnya bersabit dengan program Plaza Premium, meskipun HLB telah terlebih dahulu diberitahu akan kemungkinan ganti rugi sedemikian, dan segala ganti rugi sedemikian adalah nyata dikecualikan.



18. Pemegang Kad akan membayar balik dan membayar HLB atas tuntutan bertulis HLB semua tuntutan, kerugian, kos (termasuk kos undang-undang yang munasabah), kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh HLB yang timbul dari Pemegang Kad atau Pemegang Kad; pelanggaran, pelanggaran dan/atau kegagalan untuk mematuhi Syarat Penggunaan seperti yang ditetapkan oleh Plaza Premium dan T&S ini.
19. HLB berhak, setelah memberi notis awal, untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pengguguran, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) mana-mana terma dan syarat di dalam ini, termasuk menukar atau menarik balik program Plaza Premium Lounge secara keseluruhan (“**Pindaan**”). Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan hendaklah dilaksanakan menurut cara yang ditetapkan oleh HLB dalam Perjanjian.
20. Tafsiran:
 - (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian dan Terma dan Syarat Kad melainkan ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
 - (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
 - (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.
21. Jika terdapat percanggahan, pertentangan, kesamaran atau ketakselarian antara Terma dan Syarat Kad dengan T&S ini, maka T&S ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan, pertentangan, kesamaran atau ketakselarian tersebut.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.